

Timbulkan  
spekulasi  
saya  
sakit  
tabiat   
tak baik  
— Dr. M

UM 23 MAR 1991

ALUR SETAR 22 Mac —  
Perdana Menteri Dato' Sri  
Dr. Mahathir Mohamad ber-  
kata, ada pihak-pihak ter-  
tertu yang sengaja menim-  
bulkan spekulasi mengenai  
kesihatan dirinya dengan  
tujuan menjejaskan pasaran  
saham di negara ini.

Sambil menyifatkan tinda-  
kan itu sebagai 'tabiat yang  
tidak baik' beliau berkata,  
kemungkinan hasrat mereka  
bertujuan mengendalikan  
projek-projek pembangunan  
negara ini.

"Saya tidak tahu apa tuju-  
an mereka, kalau sampai  
dah tengok saya macam ni  
pun masih kata saya sakit,  
saya pun tak tahulah," kata-  
nya kepada pemberita di La-  
pangan Terbang Sultan Ab-  
dul Halim di sini hari ini.

Perdana Menteri dan isteri  
Dato' Sri Datin Paduka Dr.  
Siti Hasmah Mohd. Ali tiba  
di sini kerana menghadiri  
majlis terbuka puasa di ka-  
wasan parlimennya di Ku-  
bang Pasu.

Menurut Dato' Sri Dr.  
Mahathir lagi, beliau sendiri  
tidak faham mengapa mere-  
ka sengaja menimbulkan  
spekulasi-spekulasi seperti  
ini.

Katanya, pernah suatu ke-  
tika beliau ke London untuk  
tujuan lain tetapi ada pihak  
yang menyatakan beliau me-  
lakukan pembedahan ke-  
dua.

"Saya tak faham, barang-  
kali dia orang (pihak tertent-  
tu) sengaja nak bagi pasaran  
saham jatuh, nak bagi  
keadaan negara kita tergen-  
dala pembangunannya,"  
katanya.